

22 Oktober 2012

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
Pengarah,
Pusat Komunikasi Korporat,
Aras 2, Bangunan Canseleri,
43600 Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

MTDC TECHNOLOGY CONFERENCE 2012

Dengan segala hormat dan sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk.

MTDC ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional. Objektif utama penubuhannya sejak 1992 ialah meningkatkan keupayaan dan kapasiti teknologi syarikat tempatan melalui aktiviti pengkomersilan dan perolehan teknologi.

Bersempena ulangtahun MTDC yang ke-20, MTDC akan menganjurkan "MTDC Technology Conference 2012" pada 6 dan 7 Disember 2012 di Hotel Istana Kuala Lumpur City Centre, Malaysia.

Persidangan ini membawa tema ekosistem pengkomersilan dan akan membincangkan aspek keusahawanan, teknologi, inkubasi dan pembiayaan. Persidangan ini disasarkan kepada usahawan-teknologi, penyelidik, jabatan pemindahan teknologi, pelajar dan semua yang terlibat di dalam aktiviti pengkomersilan.

Sehubungan itu, kami ingin memohon kebenaran untuk menampal poster penganjuran persidangan kami di kampus tuan. Diharap usaha ini akan meningkatkan peluang pengkomersilan untuk para penyelidik dari universiti tuan.

Kerjasama daripada pihak tuan adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi En. Azeem Pishal, 03-21726083 / 012-2425899 atau penama di bawah.

Sekian, Terima Kasih.

Yang Benar,
MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION



MARIATINI OTHMAN
Ketua Jabatan Pengurusan Pengetahuan

*Sdr. Anton -
Mentel dan E-Winger
T'k.*

